

Dr. M puji

Rais

W April 87

KUALA LUMPUR - Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memuji keberanian Datuk Rais Yatim ekoran dari kenyataan Menteri Luar itu yang menyatakan kesanggupan menefima apa-apa tindakan kerana menyokong Tengku Razaleigh Hamzah dalam pertandingan pucuk pimpinan UMNO 24 April ini.

Semasa menomoi para pemberita selepas merasmikan semihar kebangsaan Dasar Ekonomi Baru, selepas 1990, di sini Selasa lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau menyanjungui tindakan Datuk Rais itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan pucuk pimpinan parti tidak akan menganiayai mana-mana anggota parti yang memihak kepada sesiapa dalam kempen bagi pemilihan dalam Majlis Tertinggi UMNO itu.

"Saya percaya jika Tengku Razaleigh menang beliau juga tidak akan menganiayai kepada yang lain-lainnya," katanya.

Datuk Rais Yatim baru-baru ini dalam suatu kenyataan beraninya mengkritik jawatan-jawatan dalam kabinet Dr. Mahathir sebagai semacam 'anugerah dewa-dewi' yang menurutnya naik tanpa ikut tangga dan jatuhnya nanti juga tanpa tangga.

Mengenai pendirian itu Datuk Rais dipetik sebagai berkata, beliau tidak akan berpatah balik walaupun di hadapannya ada api.

Datuk Rais sebelum ini adalah disenaraikan secara terbuka oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah sebagai di antara yang sanggup hanyut bersama dan sanggup menerima kehilangan jawatan kerana prinsipnya jika mereka tewas dalam pemilihan 24 April ini.

Selain Datuk Rais turut disenaraikan oleh Tengku Razaleigh ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Najib Tun Razak, Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Samad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ajib Ahmad, Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekom, Datuk Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, Timbalan Menteri Luar, Kadir Sheikh Fadzil.

Mengenai pertandingan merebut jawatan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata bukan soal menjadi Presiden parti yang menjadi pertimbangan tetapi kerana ia menjadi tangga untuk menjadi Perdana Menteri.

Presiden UMNO itu berkata, "mereka yang hendak menjadi Presiden boleh mendapat jawatan itu dengan menubuhkan parti baru dan menjadi Presidenya tetapi keutamaan jawatan Presiden UMNO kerana ia membolehkan seseorang itu menjadi Perdana Menteri," tegasnya.